

PENGHARMONIAN SALAFI DAN TASAWUF: PENDEKATAN INTEGRASI SYEIKH ABDULLAH AL- TALIDI

THE HARMONIZATION OF SALAFISM AND TASAWUF: THE INTEGRATIVE APPROACH OF SYEIKH ABDULLAH AL-TALIDI

Muhammad Iskandar Shah Ab Ahmid^{1*}
Mohammad Fahmi Abdul Hamid²,
Khairul Azhar Meerangani³

^{1*} Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Alor Gajah, Melaka, Malaysia (Email : 20203440444@student.uitm.edu.my)

² Pensyarah Kanan : Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Alor Gajah, Melaka (E-mail: fahmihamid@uitm.edu.my)

³ Pensyarah Kanan : Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Alor Gajah, Melaka (E-mail: azharmeerangani@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 4-3-2025
Revised date : 5-3-2025
Accepted date : 17-3-2025
Published date : 27-3-2025

To cite this document:

Ab Ahmid, M. I. S., Abdul Hamid, M. F., & Meerangani, K. A. (2025). Pengharmonian Salafi dan Tasawuf: Pendekatan integrasi Syeikh Abdullah Al-Talidi. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 541- 551.

Abstrak: Syeikh Abdullah al-Talidi merupakan seorang tokoh ilmuan Islam yang jarang disebut namanya dalam wacana umum. Namun sumbangannya dalam bidang keilmuan Islam sangat signifikan khususnya dalam karya fiqh hadis serta Tasawuf. Beliau memainkan peranan penting dalam mengharmonikan aliran Salafi dan Tasawuf dengan menekankan pemurnian akidah berdasarkan dalil syarak serta aspek spiritual yang sah. Karya-karya yang dihasilkan oleh Syeikh Abdullah al-Talidi memberi impak yang besar terhadap perkembangan iman serta pertumbuhan intelektual dan spiritual umat Islam di samping menekankan nilai kasih sayang, bersangka baik dan perpaduan dalam masyarakat. Sebagai seorang pendidik dan murabbi, beliau menekankan tiga elemen utama dalam pengharmonian iaitu ta'lim (pengajaran ilmu yang sah), ta'dib (pembentukan adab dan disiplin) serta dakwah (penyebaran kefahaman Islam yang benar). Pendekatan beliau yang seimbangan antara akliyah (rasional) dan naqliyah (wahyu) berjaya menyuntik pembaharuan pada pemikiran dalam masyarakat tanpa mencetuska perpecahan atau ekstremisme. Kesarjaan dan metodologi pengajarannya yang seimbang telah memberikan impak besar dalam dunia keilmuan Islam dengan menjadikan beliau tokoh yang wajr dihargai, dikaji serta menjadi inspirasi bagi generasi ummatan wahidah pada akan datang.

Kata Kunci: Syeikh Abdullah al-Talidi, keilmuan Islam, Fiqh hadis, Tasawuf, Salafi, pengharmonian, pemurniah akidah.

Abstract: *Syeikh Abdullah al-Talidi is an Islamic Scholar whose name is rarely mentioned in public discourse. However his contributions to Islamic scholarship are highly significant particularly in the fields of fiqh al-hadith and Tasawuf. He played a crucial role in harmonizing the Salafi and sufi traditions by emphasizing the purification of aqidah based on dalil syar'i (legal evidence) while maintaining an autentich spiritual dimension. The work produced by Syeikh Abdullah al-Talidi have had a profound impact on the development of faith, intellethual growth and spritual enrichment among Muslims. His teaching also enphasize the values of compassion, positive thinking and unity whitin the Muslin community. As an educator and murabbi, he underscored three fundamental element in the harmonization process ta'lim (the tranmission of authentic khowledge), ta'dib (the cultivation of discipline and manners) and dakwah (the dissemination of true Islamic understanding). His balanced aproach between 'aqliyah (rational thought) and naqliyah (revealed knowledge) succesfully introduced intellectual renewal within the Muslim society without provoking division or ekstremism. His scholarly contributions and methodological approach have left a significant impact on Islamic knowledge makin him a figure worthy of recognition, academic study and an inspiration for future generations of the ummatan wahidah.*

Keywords: *Syeikh Abdullah al-Talidi, Islamic scholarship, fiqh al-Hadith, Tasawuf, Salafi, harmonization, aqidah purification.*


Pendahuluan

Dalam Sejarah keilmuan Islam, pertembungan yang berlaku antara aliran Salafi dan Tasawuf sering menjadi perbahasan yang tiada penghujungnya. Kedua-dua aliran ini memunyai asas yang kukuh dalam tradisi Islam. Cumanya perbezaan pendekatan dalam memahami aspek akidah, fiqh dan kerohanian sering kali menimbulkan ketegangan dalam kalangan umat Islam. Dalam konteks ini, Syeikh Abdullah al-Talidi muncul sebagai tokoh yang berusaha mengharmonikan kedua-dua aliran ini melalui pendekatan yang integratif berteraskan kepada dalil syarak yang sahih serta Tasawuf yang murni. Beliau menekankan kepentingan pemurnian akidah tanpa menafikan aspek penyucian jiwa yang berlandaskan ajaran Islam yang sebenar. Melalui karya-karyanya, Syeikh Abdullah al-Talidi berjaya membentuk suatu kerangka pemikiran yang bukan sahaja memperkukuhkan disiplin ilmu tetapi juga menggalakkan perpaduan dalam kalangan ilmuan tanpa sebarang prejudis.

Kajian mengenai hubungan Salafi dan Tasawuf masih banyak menumpukan kepada konflik tanpa meneliti pendekatan integratif yang mengharmonikan kedua-duanya. Kebanyakan kajian terdahulu melihatnya sebagai aliran bertentangan secara mutlak dan lebih menekankan kritikan berbanding solusi berasaskan dalil sahih. Selain itu, kajian sedia ada cenderung bersifat teori tanpa model praktikal. Pendekatan integratif Syeikh Abdullah al-Talidi masih kurang dikaji walaupun beliau mengharmonikan Salafi dan Tasawuf tanpa mengorbankan prinsip syariat. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang penyelidikan dengan membangun wacana pengharmonian yang lebih sistematik dan berdasarkan dalil. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan integratif Syeikh Abdullah al-Talidi dalam mengharmonikan aliran Salafi dan Tasawuf berdasarkan kepada kaedah yang diketengahkan oleh Syeikh Abdullah al-Talidi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan analisis kandungan dengan meneliti karya utama Syeikh Abdullah al-Talidi bagi mengenal pasti prinsip pengharmonian Salafi dan Tasawuf khususnya dalam pemurnian akidah, syariah serta elemen tarbiyah dan dakwah. Pendekatan tafsiran pula diterapkan melalui kaedah interpretasi Islam bagi memahami pemikirannya dalam konteks sejarah, pendidikan dan pengaruh ilmiah. Seterusnya analisis sejarah dilakukan dengan membandingkan pemikirannya dengan tokoh lain bagi menilai pendiriannya terhadap ekstremisme dalam Salafi dan Tasawuf. Kesahihan data dipastikan melalui sumber primer iaitu karya beliau sendiri dan sumber sekunder melalui karya ilmiah ulama lain serta penilaian keilmuan ulama lain.



(Sumber: Analisis Pengkaji)

Tinjauan Literatur

Dua perbincangan berkaitan kajian lepas yang dibincangkan dalam penulisan ini bagi tujuan memberikan penerangan dengan lebih jelas dan menepati kajian ini iaitu kajian lepas berkaitan kritikan Salafi terhadap Tasawuf dan kajian lepas berkaitan pemikiran Salafi terhadap aliran Tasawuf. Kedua-dua kajian lepas ini memberikan pencerahan awal sebelum memasuki ke perbincangan yang utama.

Kajian Lepas Berkaitan Kritikan Salafi Terhadap Tasawuf

Kajian terdahulu mengenal pasti beberapa faktor utama kritikan terhadap Tasawuf. Abdul Mun'in Kholil (2017) menyatakan bahawa Ibnu Taimiyyah melakukan kritikan terhadap Tasawuf adalah disebabkan kaedah Tarekat, sumber amalan berdasarkan kasyaf dan ilham, serta memisahkan antara syariat dan hakikat. Namun dakwaan yang mengatakan bahawa Ibnu Taimiyyah sebagai seorang yang anti Tasawuf disangkal oleh Uraifi (2008) yang menjelaskan bahawa Ibnu Taimiyyah hanya mengkritik Tasawuf yang melampau dan sesat sahaja.

Khader Ahmad dan Muhammad Adam Abd (2017) pula merumuskan bahawa perdebatan antara Salafi dan Tasawuf berpunca daripada pengamalan hadis da'if, penilaian riwayat sirah, keutamaan antara hadis dan mazhab Syafi'e serta status hadis dalam kitab-kitab jawi. Ini menyebabkan pergeseran ini terus menerus berlaku.

Faktor emosi dan dendam dalam kalangan kedua-dua aliran ini turt menjadi punca utama konflik hingga berlarutan. Tuduhan serta tohmahan yang dilemparkan sering kali tidak disertakan bukti yang kukuh. Menurut kajian Richard Gauvin (2010) yang telah melakukan ujian keabsahan bagi menilai kebenaran dakwaan bahawa ideologi Salafi merupakan punca menggugat keamanan umat Islam di Mesir. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa tuduhan tersebut adalah tidak berasas sama sekali. Ini kerana ideologi Salafi bukanlah sesuatu yang baharu di Mesir bahkan telah lama bertapak dalam masyarakat Mesir. Malah dalam konteks hubungan sosial, ideologi Salafi memainkan peranan positif dengan mempertahankan budaya Mesir tanpa mencetuskan sebarang masalah dan pertelingkahan. Oleh itu, dapatan ini secara tidak langsung membuktikan bahawa dakwaan tersebut tidak mempunyai asas yang kukuh.

Kajian Lepas Berkaitan Pemikiran Salafi Terhadap Aliran Tasawuf

Seterusnya dalam perbincangan ini menerangkan bagaimana tokoh Salafi mengharmonikan Tasawuf dalam karya-karya mereka sekaligus memperlihatkan corak pemikiran Tasawuf mereka. Syeikh Ahmad bin al-Siddiq al-Ghumari merupakan seorang yang berakidah Salafi telah menulis sebuah kitab bertajuk *al-Burhan al-Jali fi Intisab al-Sufiyyah ila 'Ali* yang membuktikan kesinambungan Tasawuf dengan ajaran Islam yang sebenar. Beliau menegaskan bahawa Sayyidina 'Ali merupakan sumber utama dalam rantaian ajaran kerohanian Islam yang kemudiannya menjadi tarekat-tarekat sufi bersumberkan kepada dalil daripada hadis dan riwayat para ulama terdahulu. Beliau membela Tasawuf daripada tuduhan sesat dan bidaah disamping menunjukkan bagaimana Tasawuf yang sebenar yang dpraktikkan oleh Rasulullah SAW dan mengikut petunjuk Rasulullah SAW. Beliau juga mengkritik gologan yang menolak Tasawuf secara mutlak dengan membawakan bukti bahawa ramai dikalangan ulama hadis dan fiqh turut mengamalkan Tasawuf yang sah. Oleh itu, kitab ini menjadi rujukan utama dalam memahami keabsahan Tasawuf dan menegakkan kesinambungan sanad keilmuan dalam disiplin ini (Ahmad al-Ghumari, 1969)

Ibnu Taymiyyah tidak menolak Tasawuf secara keseluruhan akan tetapi beliau menegaskan kepentingan Tasawuf yang berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Beliau mendefinisikan Tasawuf sebagai amalan hati dan fizikal yang berpaksikan iman serta jalan Rasulullah SAW dan para sahabat (Majmuk Fatawa, 2004). Beliau juga membahagikan Tasawuf kepada tiga kategori iaitu Tasawuf Haqa'iq, Tasawuf al-Arzaq dan Tasawuf al-Rasm dengan tujuan memurnikan Tasawuf daripada penyimpangan. Ibnu Qayyim juga menyokong pandangan ini dengan menyatakan Tasawuf sebagai imej akhlak Islam (Said Aqil Siroj, 2006). Selain itu, beliau menegaskan wali Allah yang hakiki bukan hanya berdasarkan kepada penampilan tetapi mestilah berpegang teguh kepada syariat tanpa menjadi hak eksklusif kumpulan tertentu (Ibn Taimiyyah, 2007).

Ibnu Qayyim yang merupakan murid Ibnu Taimiyyah pula memiliki pandangan positif terhadap Tasawuf dan berusaha melakukan pembaharuan dalam disiplin ini (Arif Budi, 2018). Beliau menegaskan bahawa penyucian jiwa mesti berasaskan al-Quran dan al-Sunnah kerana kedua-duanya sumber utama dalam mendekati diri kepada Allah SWT (al-Jauziyyah, 2009).

Pembaharuan ini perlu kerana terdapat penyelewengan dalam Tasawuf seperti taqlid buta, khurafat dan bidaah lalu beliau menyeru untuk kembali kepada tauhid yang murni (Syarafuddin, 1984). Pemikiran Tasawuf beliau banyak tergambar dalam karyanya seperti *Madarij al-Salikin* yang menggunakan istilah kesufian seperti *Manazil*, *Ahwal* dan *Maqamat* dalam konteks perjalanan kerohanian (Arikhah, 2016).

Pendekatan Integratif Pengharmonian Tasawuf dan Salafi Menurut Syeikh Abdullah al-Talidi

Syeikh Abdullah al-Talidi melihat bahawa pertembungan yang berlaku antara aliran Salafi dan Tasawuf bukanlah sesuatu yang tidak boleh diharmonikan. Sebaliknya beliau percaya bahawa kedua-dua aliran ini mempunyai matlamat dan tujuan yang sama dengan berpaksikan kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah dan hanya berbeza daripada konsep pendekatan dan kefahaman terhadap nas-nas syar'i (al-Talidi, 2003). Antara konsep utama yang diketengahkan oleh Syeikh Abdullah al-Talidi dalam pengharmonian ini adalah :

Kesatuan Akidah

Beliau menekankan bahawa akidah yang sahih haruslah menjadi landasan utama dalam Tasawuf dan Salafi. Sebarang bentuk penyelewengan yang tidak bersandarkan kepada dalil yang sahih perlu ditolak sama ada dari aliran Tasawuf yang cenderung kepada unsur-unsur falsafah yang bercanggah dengan Islam (al-Talidi, 1999) atau dari pihak Salafi yang terlalu literal dalam memahami teks agama sehingga terjadinya salah faham dalam tafsiran agama. Yang lebih mengukuhkan pengharmonian dalam kedua aliran ini, Syeikh Abdullah al-Talidi menolak perbuatan yang mengeluarkan mana-mana aliran daripada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu dengan memasukkan aliran Salafi dan Tasawuf di bawah payung Ahli Sunnah Wal Jamaah (al-Talidi, 2004a). Dengan kekuatan ini, beliau menarik kedua-dua aliran untuk bernaung dan saling menghormati antara kedua-duanya.

Menolak Ekstremisme dan Fanatisme

Syeikh Abdullah al-Talidi menolak sikap taasub atau fanatisme terhadap mana-mana mazhab, tarekat, atau aliran pemikiran tertentu (al-Talidi, 2000). Beliau mengkritik golongan yang terlalu cepat mengkafirkan atau membidaahkan pihak lain hanya kerana perbezaan ijtihad. Sebaliknya, beliau menyeru kepada sikap berlapang dada dan mencari persamaan dalam memahami agama. Beliau berpendapat amalan yang terlalu cepat menghukum ini tidak patut berlaku dalam kalangan agamawan kerana ianya merupakan ijtihad pada ilmunan (al-Talidi, 1995). Sekiranya ijtihad tersebut betul maka ia akan mendapat dua pahala dan jika salah maka ianya mendapat satu pahala daripada Allah SWT. Dengan syarat ianya wujud sandaran dalam nas syarak tersebut dan bukan bertujuan untuk mengingkari syarak (al-Talidi, 2003).

Tasawuf Yang Berlandaskan Syariah

Menurut beliau, Tasawuf yang sahih adalah Tasawuf yang berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta tidak bercanggah dengan prinsip syariah (al-Talidi, 2012). Beliau menolak amalan-amalan sufi yang tidak mempunyai asas yang kukuh dalam Islam seperti pemujaan keterlaluan terhadap wali dan penggunaan hadis yang terlalu dhaif dalam amalan Tasawuf. Kerana faktor inilah yang menjadi kritikan yang besar dalam aliran Salafi apabila berlakunya penyelewengan dalam amalan Tasawuf.

Metode Pengharmonian Salafi dan Tasawuf

Dalam usaha mengharmonikan perbezaan antara aliran Salafi dan Tasawuf, Syeikh Abdullah al-Talidi menggariskan beberapa pendekatan utama yang dapat membantu memperbaiki persepsi kedua-dua pihak serta menjernihkan salah faham yang sering berlaku. Tiga metodologi utama yang beliau gunakan adalah pendekatan dakwah, pendekatan tarbiyah, dan pendekatan tazkiyyah yang kesemuanya berpaksikan kepada prinsip syariat Islam dan dalil-dalil yang sahih.

Pendekatan dakwah menjadi asas penting dalam menjalin persefahaman antara Salafi dan Tasawuf. Syeikh Abdullah al-Talidi menegaskan bahawa dialog ilmiah antara ulama dari kedua-dua aliran amat diperlukan bagi mengelakkan polemik yang tidak berkesudahan. Isu khilafiah tidak seharusnya diperbesar-besarkan sehingga membawa kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam (al-Talidi, 2003). Sebaliknya, beliau menggalakkan penganjuran forum serta diskusi ilmiah yang membincangkan permasalahan ini secara ilmiah dan beradab agar setiap pihak dapat memahami perspektif yang berbeza dengan lebih terbuka (al-Talidi, 2004a).

Dari sudut tarbiyah pula Syeikh Abdullah al-Talidi menekankan keperluan pembelajaran yang berasaskan dalil sahih serta kepentingan tasfiyah (pembersihan ajaran Tasawuf daripada unsur-unsur yang tidak sahih). Beliau menolak pendekatan ekstrem yang menafikan amalan Tasawuf yang benar tetapi dalam masa yang sama beliau mengkritik tarekat-tarekat yang tidak berlandaskan garis panduan syariah. Menurut beliau, pengamal Tasawuf tidak sepatutnya hanya beramal secara membuta tuli tetapi sebaliknya mereka perlu memahami dalil yang menjadi asas kepada setiap amalan mereka. Dengan cara ini, pendekatan Tasawuf dapat kembali kepada bentuk asalnya yang murni dan berteraskan syariat Islam (al-Talidi, 2012).

Pendekatan ketiga ialah tazkiyyah iaitu penyucian jiwa yang menjadi inti pati Tasawuf yang sebenar. Bagi Syeikh al-Talidi, *tazkiyyah al-nafs* mesti dilakukan dengan bimbingan syariat, bukan sekadar mengikuti ritual tanpa pemahaman yang mendalam (al-Talidi, 2012). Beliau menekankan kepentingan menanamkan sifat *khauf* (takut kepada Allah) dan ikhlas dalam setiap amalan, agar ibadah yang dilakukan tidak sekadar menjadi adat tetapi benar-benar membawa kepada perubahan hati dan akhlak. Zikir dan wirid yang diamalkan juga mestilah mempunyai asas daripada sunnah Nabi SAW serta tidak bercanggah dengan ajaran Islam (al-Talidi, 1993). Dengan pemahaman ini, beliau berusaha memastikan bahawa Tasawuf tidak menjadi medan kepada amalan-amalan yang tidak memiliki dalil yang sahih tetapi tetap mempertahankan aspek spiritual yang merupakan keperluan dalam penyucian jiwa manusia.

Melalui ketiga-tiga pendekatan ini, Syeikh Abdullah al-Talidi berusaha membawa keseimbangan antara pendekatan Salafi dan Tasawuf dengan cara yang berlandaskan syariat. Usahanya ini bukan sekadar untuk meredakan pertelingkahan antara dua aliran ini tetapi juga untuk memastikan bahawa umat Islam dapat mengamalkan ibadah dan membangunkan rohani mereka dengan berpandukan dalil yang sahih, tanpa unsur kesesatan atau penyimpangan daripada ajaran Islam yang sebenar.

Analisis Pendekatan Integratif Pengharmonian Syeikh Abdullah al-Talidi

Analisis ini mengkaji berkaitan kaedah yang dipraktikkan oleh beliau dalam mengharmonikan kedua-dua aliran dan relevansinya dalam menyatukan umat. Kaedah beliau disimpulkan kepada lima perkara utama seperti dibawah.

Menyatukan kedua-dua aliran Di Bawah Payung Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Pendekatan Syeikh Abdullah al-Talidi dalam mengharmonikan aliran Salafi dan Tasawuf merupakan satu usaha yang berlandaskan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) (al-Talidi, 2004a). Beliau tidak melihat kedua-dua aliran ini sebagai entiti yang bertentangan, sebaliknya sebagai komponen yang boleh digabungkan dalam kerangka Islam yang luas. Hal ini membolehkan para pengikut kedua-dua aliran memperoleh manfaat daripada ilmu dan pengalaman masing-masing tanpa perlu berkonflik. Prinsip beliau yang mengutamakan sumber yang sahih dalam memahami amalan keagamaan turut membantu dalam menjadikan pendekatannya diterima oleh kedua-dua pihak. Beliau secara tegas menolak unsur bid'ah dan ekstremisme yang boleh menjejaskan keharmonian umat Islam, sekaligus menampilkan Islam dalam bentuk yang lebih murni dan berasaskan dalil yang kuat.

Seruan Berpegang kepada Prinsip dan Kembali Kepada Dalil Yang Sahih.

Keutamaan Syeikh Abdullah al-Talidi dalam memastikan segala pegangan dan amalan bersumberkan dalil yang sahih menjadikannya lebih mudah diterima oleh golongan Salafi yang amat menitikberatkan kesahihan sumber (al-Talidi, 2003). Dalam masa yang sama, beliau mengharmonikan unsur Tasawuf dengan memastikan amalan kerohanian yang diamalkan tidak bercanggah dengan syariat Islam (al-Asyubki, 2004). Oleh itu, pendekatan Tasawuf yang diketengahkan oleh beliau lebih bersifat *tazkiyyah al-nafs* (penyucian jiwa) berlandaskan hadis-hadis yang sahih bukan sekadar pengalaman subjektif semata-mata (al-Talidi, 2010). Melalui prinsip ini, beliau mampu mengintegrasikan aspek ketulenan dalil dengan pengalaman kerohanian yang menjadi faktor utama dalam membina keharmonian antara kedua-dua aliran.

berdasarkan dalil yang kukuh (al-Talidi, 2003). Pendekatan ini membolehkan beliau mewujudkan titik pertemuan antara Asya'irah, Maturidiyyah, dan Hanabilah (Salafi) dalam satu landasan yang lebih luas di bawah kerangka ASWJ (al-Talidi, 2004a). Dengan ini, ketegangan dan pertentangan yang sering berlaku akibat perbezaan teologi dapat dikurangkan seterusnya memperkukuhkan kesatuan akidah dalam kalangan umat Islam.

Pendekatan Dakwah Yang Lembut Dan Berhikmah

Dari sudut dakwah, Syeikh Abdullah al-Talidi menggunakan pendekatan yang lembut dan berhikmah dalam menyampaikan ilmunya. Beliau menekankan kepentingan ilmu dan adab dalam diskusi ilmiah sejajar dengan tradisi para ulama terdahulu. Antara strategi yang diterapkan ialah penganjuran dialog dan forum ilmiah bagi membincangkan isu-isu ilmiah secara beradab serta menolak perdebatan yang boleh membawa kepada perpecahan umat. Sikap keterbukaan dan kebijaksanaan dalam menangani perbezaan menjadikan beliau dihormati oleh kedua-dua pihak dan mampu mewujudkan suasana perbincangan yang lebih ilmiah serta harmoni (al-Talidi, 1998).

Menolak Dualisme Ekstrem antara Syariah dan Hakikat

Disamping itu, Syeikh Abdullah al-Talidi menolak fahaman dualisme ekstrem yang melihat syariah dan hakikat sebagai dua entiti yang bertentangan dan terpisah. Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa kedua-duanya saling melengkapi dan tidak boleh dipisahkan dalam memahami Islam secara menyeluruh. Dalam pengamalan Tasawuf, beliau memastikan bahawa segala amalan tidak bertentangan dengan ajaran Islam yang sahih (al-Talidi, 2012) manakala dalam pendekatan Salafi, beliau menegaskan bahawa elemen kerohanian tetap penting dan tidak boleh diabaikan (al-Talidi, 2004b). Dengan pendekatan ini, kedua-dua aliran tidak lagi

melihat satu sama lain sebagai ancaman tetapi sebagai komponen yang saling melengkapi dalam Islam. Berikut adalah jadual perbandingan pendekatan Salafi, Tasawuf dan Syeikh Abdullah al-Talidi dalam Konteks Pengharmonian Aliran Salafi dan Tasawuf:

Jadual 1: Jadual Perbandingan Pendekatan Salafi, Tasawuf Dan Syeikh Abdullah Al-Talidi Dalam Konteks Pengharmonian Aliran Salafi Dan Tasawuf

Aspek	Salafi	Sufi	Syeikh Abdullah al-Talidi
Pendekatan terhadap Tasawuf	Kritikal terhadap Tasawuf yang tidak berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta menolak sebarang unsur bidaah, khurafat dan amalan yang tidak mempunyai dalil yang sah.	Menekankan aspek kerohanian yang tinggi, serta tarekat sebagai jalan mendekati diri kepada Allah SWT. Ada yang berpegang teguh kepada syariat tetapi ada juga yang menerima unsur luar seperti falsafah.	Berusaha mengharmonikan pendekatan Salafi dan Tasawuf dengan menekankan Tasawuf yang sah iaitu berteraskan al-Quran dan al-Sunnah serta akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
Pandangan terhadap Wali Allah	Wali ialah individu yang berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah bukan semata-mata karamah atau pengakuan diri	Wali dianggap sebagai individu pilihan Allah yang memiliki karamah dan mencapai maqam tertentu dalam perjalanan kerohanian	Bersetuju dengan pandangan Salafi bahawa wali mesti berlandaskan syariat tetapi mengiktiraf peranan wali dalam membimbing umat selagi berpegang kepada ajaran Islam yang benar dan sah.
Kritikan terhadap amalan baharu	Tegas dalam menolak bidaah khususnya dalam ibadah dan zikir yang tiada asas dalam al-Quran dan al-Sunnah.	Ada yang mempertahankan amalan yang dianggap sebagai bidaah hasanah seperti zikir yang ditentukan jumlah dan waktu, zikir yang diamalkan oleh ulama tasawuf dengan hizib-hizib tertentu.	Mengkritik bidaah dalam Tasawuf seperti pukulan gendang muzik dan bertaklid buta tetapi tidak menolak Tasawuf secara mutlak.
Pengaruh Falsafah dan Ilmu Kalam	Menolak pengaruh falsafah Yunani dan ilmu kalam dalam akidah serta Tasawuf	Sebahagian aliran Tasawuf menerima unsur falsafah yang ilmu kalam dalam memahami hakikat ketuhanan	Berpegang kepada metodologi Salaf dalam akidah tetapi mengiktiraf dimensi rohani yang sah dalam Tasawuf
Hubungan dengan Syariat	Menekankan kepatuhan yang ketat kepada syariat dan menganggap Tasawuf	Tasawuf yang benar menekankan syariat dan hakikat tetapi wujud segelintir yang berlebihan	Menyelaraskan antara syariat dan Tasawuf dengan menekankan Tasawuf yang

	tanpa syariat adalah sesat	dalam amalan batin dan pengamalan mistik serta mengabaikan syariat.	bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.
--	----------------------------	---	---

Implikasi Pengharmonian Terhadap Umat Islam

Implikasi pengharmonian ini bukan sahaja memberi kesan terhadap perpaduan sosial bahkan mempengaruhi kestabilan politik, suhu masyarakat dan perkembangan intelektual umat Islam. Hasil daripada pengharmonian yang berlaku akan terbitnya bibit-bibit keamanan dan keterbukaan antara satu sama lain. Ianya boleh fokuskan kepada perkara-perkara yang berkaitan.

Perpaduan dan Toleransi Dalam Aliran

Pengharmonian antara aliran Salafi dan Tasawuf yang diketengahkan oleh Syeikh Abdullah al-Talidi membawa implikasi yang besar terhadap perpaduan dan kestabilan umat Islam. Salah satu kesan utama daripada pendekatan ini ialah peningkatan perpaduan dan toleransi dalam kalangan umat Islam. Dengan menekankan kepentingan sumber dalil yang sahih serta menolak unsur fanatisme, pendekatan ini dapat mengurangkan perpecahan akibat perbezaan metodologi dalam memahami Islam. Apabila umat Islam lebih memahami bahawa perbezaan dalam pendekatan bukanlah satu bentuk pertentangan mutlak, mereka akan lebih terbuka untuk menerima variasi dalam amalan agama tanpa menimbulkan konflik.

Memperkuhkan Pemahaman Islam Secara Menyeluruh

Selain itu, pendekatan pengharmonian ini juga membantu dalam memperkuhkan pemahaman Islam secara menyeluruh. Dengan menggabungkan kekuatan Salafi dalam menitikberatkan dalil yang autentik serta keunikan Tasawuf dalam aspek penyucian jiwa (*tazkiyyah al-nafs*), umat Islam dapat memahami Islam dalam bentuk yang lebih seimbang. Ini mengelakkan fahaman yang terlalu literal tanpa aspek kerohanian, ataupun kecenderungan kerohanian yang melampau tanpa bimbingan syariat. Dengan keseimbangan ini, Islam dapat diamalkan dengan lebih holistik tanpa terjebak dalam pemahaman yang ekstrem atau berat sebelah.

Merencanakan Diskusi Ilmiah

Implikasi seterusnya ialah sumbangan besar terhadap dialog antara aliran dalam Islam. Pengharmonian antara Salafi dan Tasawuf membuka ruang untuk wacana yang lebih ilmiah dan beradab antara pelbagai kelompok dalam ASWJ. Dengan menggalakkan diskusi yang berlandaskan dalil yang kukuh serta adab dalam perdebatan, umat Islam dapat berbincang mengenai perbezaan dengan lebih rasional dan terbuka. Ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepelbagaian pemahaman dalam Islam, tetapi juga mengelakkan perselisihan yang tidak berfaedah serta mengukuhkan solidariti dalam kalangan umat Islam.

Sikap Saling Hormat Menghormati Antara Aliran

Akhir sekali, pendekatan ini juga melahirkan sikap saling hormat-menghormati antara aliran yang berbeza. Apabila umat Islam dididik dengan kefahaman bahawa perbezaan dalam metodologi bukanlah satu ancaman terhadap agama, maka akan wujud penghargaan terhadap kepelbagaian tradisi Islam yang tetap berlandaskan akidah yang sama. Syeikh al-Talidi menunjukkan bahawa perpaduan boleh dicapai bukan dengan menafikan perbezaan tetapi

dengan mencari titik pertemuan yang boleh mengharmonikan umat Islam di bawah prinsip ASWJ. Dengan adanya sikap hormat-menghormati ini, umat Islam dapat mengekalkan perpaduan dan mengelakkan perpecahan yang berpunca daripada perbezaan aliran. Inilah yang diperintahkan oleh Allah SWT dalam al-Quran agar hambaNya yang beriman sentiasa bersatu padu dan tidak berpecah belah dalam urusan kehidupan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pendekatan pengharmonian yang dibawa oleh Syeikh Abdullah al-Talidi memberi impak positif terhadap umat Islam, khususnya dalam meningkatkan perpaduan dan toleransi, memperkukuhkan pemahaman Islam yang menyeluruh, menyumbang kepada dialog antara aliran, serta memupuk sikap saling menghormati. Usaha ini membuktikan bahawa perbezaan bukanlah satu penghalang kepada kesatuan, tetapi satu bentuk keunikan yang boleh dirangka dalam satu kesatuan pemahaman Islam yang lebih luas dan inklusif.

Rujukan

- Abd al-Karim Al-Hawawi. (2021). *Al-Allamah Al-Muhaddith Al-Nuqad Al-Syaikh Abdullah Al-Talidi Wa Ishamuhu al-Ilmi Wa Al-Da'wi*. Maghribi: Rabitah al-Muhammadiyah Li al-Ulama.
- Abd al-Karim Al-Hawawi. (2021). *Al-Allamah Al-Muhaddith Al-Nuqad Al-Syaikh Abdullah Al-Talidi Wa Ishamuhu al-Ilmi Wa Al-Da'wi*. Maghribi: Rabitah al-Muhammadiyah Li al-Ulama.
- Abdul Mun'im Kholil. (2017). *Jejak metodologis anti-Sufi: Analisis kritis pemikiran Sufisme Ibnu Taymiyyah*.
- Abdullah al-Talidi. (1993). *Zād al-Muttaqīn fi Şahīh Azkār Wa Ad'iyah Sayyid al-Mursalīn*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Abdullah al-Talidi. (1995). *Naşab al-Mawāid li Zikra al-Fatāwa Wa al-Nawādir Wa al-Fawāid*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Abdullah al-Talidi. (1999). *Dalāil al-Tauhīd Intilāqan Min al-Quran wa al-Kawn*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Abdullah al-Talidi. (2000). *Darr al-Ghamām al-Raqīq bi Rasāil al-Syaikh al-Sayyid Ahmad bin al-Siddīq*. Beirut: Dar al-Bashair.
- Abdullah al-Talidi. (2003). *Itmām al-Minnah bi Syarh Minhaj al-Jannah fi al-Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Bashāir.
- Abdullah al-Talidi. (2004a). *Zikrayāt Min Hayatī*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Abdullah al-Talidi. (2004b). *Bidāyat al-Wūsūl Bilubbi Şahīh al-Ummahāt Wa al-Uşūl*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Abdullah al-Talidi. (2012). *Al-Mutrib Bi Mashāhīr Awliyā' al-Maghrib*. Beirut: Dar al-Bashāir.
- Abi Faḍl Ahmad. (2021). *Tarjumat Faḍhilat al-Sayyid al-Allamah al-Muhaddis Abdullah al-Talīdī*. Palestin: Wahat Ali al-Bait Li Ihya' al-Turath wa al-'Ulum.
- Ahmad Al-Ghumari. (1969). *Al-Burhan al-Jali fi Intisab al-Sufiyyah ila 'Ali*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah.
- Al-Tamsamani, M. (2013). *Min Qadhat al-Muhaddisin fi Muhakkamah al-Jarh Wa al-Ta'dil: Syaikh Sidi Abdullah al-Talidi*. *Ulama' fi Diyāfah al-Majlis al-'Ilmī*, 1, 44. Tangier: al-Majlis al-Ilmu li Amalat Tanjah Asliyah.
- Arif Budi Cahyono. (2018). *Revitalisasi Tasawuf Ibnu Qayyim al-Jauziyah*. Universiti Islam Sunan Ampel Surabaya.

- Arikhah. (2016). Reaktualisasi pemikiran Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah dalam pengembangan Tasawuf. *Jurnal at-Taqaddum*, 8(1), Julai 2016.
- Husain al-Asyuki. (2004). *Abdullah al-Talīdī al-Allāmah al-Murabbī Wa al-Muhaddis al-Atharī*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Ibn Taimiyyah. (2004). *Majmuk Fatawa Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah* (Jld. 10, hlm. 394–395). Saudi Arabiah.
- Ibn Taimiyyah. (2007). *Al-Furqan Baina Auliya' al-Rahman wa Auliya' al-Syaitan*. Riyad: Dar al-Minhaj.
- Gauvin, R. (2010). Salafism in modern Egypt: Panacea or pest. *Political Theology*, 11, 802–825.
- K.H. Said Aqil Siroj. (2006). *Tasawuf sebagai kritik sosial: Mengedepankan Islam sebagai inspirasi bukan aspirasi* (hlm. 40). Indonesia: PT Mizan Pustaka.
- Khader Ahmad & Muhammad Adam Abd Azid. (2017). *Aliran-aliran dalam pengajian hadis: Faktor keberadaan dan perkembangan*.
- Muhammad Abdurrahman Al-Uraifi. (2008). *Mauqif Ibn Taimiyah min Al-Sufiyyah* (Jld. 1). Riyad: Dar Minhaj.
- Syarafuddin, A. A. A. (1984). *Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah: Ashruhu wa Manhajuhu wa Ara'uhu fi al-Fiqhi wa al-Aqa'id wa Tasawuf*. Kuwait.
- Yusuf 'Abd al-Rahman al-Mar'asyali. (2002). *Mu'jam al-Ma'ajim Wa al-Masyaikhāt* (Jld. 3, hlm. 194–198). Maktabah al-Rasyad.
- Yusuf 'Abd al-Rahman al-Mar'asyali. (2006). *Nasr al-Jawāhir Wa al-Durur fi 'Ulama al-Qarnu al-Rabi' al-Asyar*. Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Usamah Hadar (2023). *Allamah Al-Muhaddith Sidi Abdullah al-Talidi : Nubzah 'an Hayatihi Wa Juhudihi Fi Khidmati al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Dicapai pada 30 Ogos 2024, <https://www.arrabita.ma/blog/%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D8%A7%D9%85%D8%AD%D8%AF%D8%AB-%D8%A7%D9%84%D8%B4%D9%8A%D8%AE-%D8%B3%D9%8A%D8%AF%D9%8A-%D8%B9%D8%A8%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D9%84%D9%87-%D8%A7%D9%84%D8%AA/>.
- Chorafae (2020). *Nasab Syeikh Abdullah al-Talidi bersambung kepada Rasulullah SAW* dicapai pada 30 ogos 2024, <https://chorafae.com/news214.html>
- Sya'ir Dr Muhammad Ruki kepada Syeikh Abdullah al-Talidi dicapai pada 27 Ogos 2024, Facebook .
- Dar al-Hadith (2009), *Keilmuan Syeikh Abdullah al-Talidi oleh Darhadith* dicapai pada 30 November 2024, Shaykh Abdullah bin Abd al-Qadir al-Talidi – Dar al-Hadith